

# PERSEPSI PELAJAR FAKULTI PENDIDIKAN TERHADAP AKTIVITI BIG DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi<sup>1</sup>

Mohd Izzuddin Mohd Pisol

Mohd Faez Ilias

Ahmad Shafiq Mat Razali

Muhammad Syakir Sulaiman

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

## ABSTRAK

*Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis persepsi pelajar terhadap aktiviti Bina Insan Guru di Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang menjadi medium untuk melahirkan generasi seorang bakal guru yang berkomited, cemerlang dan serba boleh apabila berkhidmat sebagai guru. Program BIG ini melibatkan aktiviti perkhemahan, keyakinan diri dalam melakukan aktiviti air dan aktiviti kembara, membina jaringan hubungan sosial yang baik serta penerapan nilai-nilai murni menerusi aktiviti latihan dalam kumpulan. Jumlah sampel kajian ini seramai 135 orang responden yang melibatkan guru pelatih semester empat. Dapatan kajian ini diperolehi menggunakan kaedah tinjauan (survey) yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sebanyak 11 item telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif. Data di kumpul dan dianalisis menggunakan SPSS ver 21.0. Dapatan kajian mendapati bahawa aktiviti luar seperti aktiviti kembara, aktiviti air dan senaman pagi menunjukkan bahawa aktiviti tersebut sangat digemari oleh guru pelatih. Berdasarkan daripada hasil kajian ini diharapkan akan memberi cadangan tindakan yang perlu dilakukan oleh institusi yang terlibat dalam melatih guru dalam menambahbaik dan meningkatkan keberkesanan program Bina Insan Guru dari semasa ke semasa.*

**Kata Kunci :** *Persepsi Pelajar, Aktiviti Bina Insan Guru (BIG)*

## PENDAHULUAN

Program Bina Insan Guru merupakan program yang perlu diikuti oleh guru pelatih sebelum menjalani latihan praktikum di sekolah. Antara objektif program ini adalah bertujuan membina kemahiran berfikir aras tinggi dalam menganalisis masalah dan situasi kompleks untuk membuat keputusan yang jitu dan menyelesaikan masalah serta berupaya berfikir secara reflektif untuk melaksanakan penambahbaikan secara berterusan. Selain itu, program BIG bertujuan melahirkan

---

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. salihinhafizi@kuis.edu.my

guru yang bertindak balas secara positif kepada keadaan dan keperluan persekitaran yang berbeza dan mengembangkan kemahiran berkomunikasi dalam kepelbagaian budaya. Disamping menghayati dan menampilkan ciri-ciri kerohanian, nilai, etika dan akhlak keguruan serta merancang, melaksana, memimpin program, berkerjasama dan mengambil peranan secara aktif dalam kumpulan serta menunjukkan daya ketahanan dan kekuatan fizikal, mental, emosi, rohani dan sosial.

Program BIG merupakan komponen dalam pendidikan keguruan yang diwujudkan bagi memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dalam menempuhi cabaran semasa seperti kejutan budaya, perubahan persekitaran melalui ilmu pengetahuan di luar bilik darjah agar dapat menyesuaikan diri terhadap situasi yang berlaku. Antara aktiviti yang terdapat dalam BIG adalah seperti perkemahan, khidmat ummah, aktiviti air, aktiviti latihan dalam kumpulan.

Melalui program ini, bakal guru dapat diberikan pendedahan terhadap aspek pembangunan diri secara seimbang, hubungan guru dengan manusia dan alam, amanah, profesional, kemasyarakatan, pelbagai jenis khidmat masyarakat, khidmat pendidikan kepada komuniti, kreatif dan berinovasi serta mengenali dan memperolehi pengalaman berkaitan dengan dunia luar (IPGM Kampus Ipoh, 2011).

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor telah melaksanakan program Bina Insan Guru ini sebanyak 24 Siri hingga akhir tahun 2016. Penilaian program Bina Insan Guru telah diedarkan kepada peserta program tetapi hanya berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti yang diadakan. Namun, kajian berkaitan keberkesanan program Bina Insan Guru tidak pernah dinilai keberkesanan secara terperinci meliputi elemen-elemen yang dirancang. Oleh itu, penyelidik merasakan bahawa satu kajian terperinci mengenai keberkesanan program Bina Insan Guru diadakan bagi menambahbaik dan memantapkan lagi pelaksanaan program Bina Insan Guru yang diadakan dari semasa ke semasa.

Antara permasalahan lain yang wujud adalah kos pengurusan dan operasi yang besar dibimbangi tidak mencapai objektif BIG yang telah ditetapkan. Disamping itu, penggunaan modul yang tidak efektif. Pelaksanaan strategi dan pelaksanaan yang kurang baik akan menyebabkan perubahan sikap selepas mengikuti BIG kurang dihayati. Aspek kerjasama dalam kalangan para peserta diperlukan sebelum, semasa dan selepas program Bina Insan Guru diadakan. Tanggungjawab melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan perlu dilaksanakan dengan sempurna bagi mengelakkan ketidakpuasan hati dalam kalangan urusetia dan peserta lain.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Menganalisis persepsi pelajar terhadap aktiviti BIG.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik sebagai data utama dengan menggunakan persampelan rawak mudah. Mohd Majid (2000) menjelaskan kajian berbentuk tinjauan adalah paling sesuai digunakan dalam penyelidikan yang dijalankan di mana matlamatnya ialah untuk mengumpulkan maklumat-maklumat tentang sesuatu peristiwa yang sedang berlaku. Pembinaan instrumen ini adalah modifikasi daripada kajian Suliman & Ahmad Johari (2009) yang bertajuk “Penilaian Terhadap Objektif Program Bina Insan Guru Daripada Perspektif Pelajar Kursus Perguruan Lepas Ijazah”. Sampel kajian ini adalah seramai 135 orang responden dan responden dalam kajian ini merupakan peserta perempuan. Lokasi kajian tertumpu di Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

## **HASIL DAPATAN**

Jadual 1.1 menunjukkan jantina responden seramai 135 orang (100%) responden merupakan peserta perempuan. Tidak terdapat peserta lelaki dalam kajian ini.

Jadual 1.2 menunjukkan responden berdasarkan kaum mendapati seramai 133 orang (98.5%), berketurunan kaum Melayu. Manakala 1 orang responden (0.7%) masing-masing berketurunan Sabah dan Sarawak.

Jadual 1.3 menunjukkan seramai 82 orang (54.7%) responden mengikuti program pengajian dalam bidang pendidikan Islam. Manakala seramai 48 orang (32%) mengikuti pengajian dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (TESL) dan 5 orang (3.3%) mengikuti pengajian dalam bidang pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua. (TASL)

*Jadual 1.1 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina*

| <b>Bil</b> | <b>Kumpulan</b> | <b>Jumlah</b> | <b>Peratus</b> |
|------------|-----------------|---------------|----------------|
| 1          | Perempuan       | 135           | 100%           |

*Jadual 1.2 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Kaum*

| <b>Bil</b> | <b>Kumpulan</b> | <b>Jumlah</b> | <b>Peratus</b> |
|------------|-----------------|---------------|----------------|
| 1          | Melayu          | 133           | 98.5           |
| 2          | Sabah           | 1             | 0.7            |
| 3          | Sarawak         | 1             | 0.2            |

*Jadual 1.3 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Program Pengajian*

| <b>Bil</b> | <b>Kumpulan</b>            | <b>Jumlah</b> | <b>Peratus</b> |
|------------|----------------------------|---------------|----------------|
| 1          | Pendidikan Islam           | 82            | 54.7           |
| 2          | Pengajaran Bahasa Inggeris | 48            | 32             |
| 4          | Pengajaran Bahasa Arab     | 5             | 3.3            |

### **PERSEPSI PELAJAR TERHADAP AKTIVITI BIG**

Berdasarkan jadual 1.4 di bawah, item yang mencatatkan min yang tinggi iaitu item C6 Aktiviti Kembara menunjukkan seramai 128 orang responden (85.3%) bersetuju aktiviti kembara merupakan aktiviti yang paling memberikan kesan. Aktiviti yang kedua tertinggi ialah item C7 aktiviti air yang mencatatkan jumlah responden seramai 122 orang (94%) meminati aktiviti air. Aktiviti yang ketiga mencatatkan jumlah responden seramai 120 orang ialah item C5 senaman pagi (80%) memberikan kesan kepada diri peserta. Manakala aktiviti keempat yang tertinggi ialah item C9 aktiviti bertemakan “Pembinaan Jati Diri II” mencatatkan seramai 111 orang responden (74%) menyatakan aktiviti tersebut memberikan kesan kepada diri mereka. Begitu juga dengan item C4 aktiviti bertemakan “Pembinaan Jati Diri I” mencatatkan bilangan seramai 113 orang responden (75.3%) menyatakan bahawa aktiviti tersebut memberikan kesan kepada diri peserta. Selain itu, item C10 iaitu aktiviti persembahan kumpulan mencatatkan seramai 107 orang responden (71.3%) menyukai aktiviti tersebut. Item C11 aktiviti khidmat ummah mencatatkan seramai 107 orang responden (71.3%) menyatakan bahawa aktiviti tersebut memberikan kesan kepada diri peserta.

**Jadual 1.4. Aktiviti Bina Insan Guru (BIG)**

| Bil | Item                                   | Kekerapan & Frekuensi (N=135) |             |               |               |               | Min       | SP        | IN<br>T |
|-----|--|-------------------------------|-------------|---------------|---------------|---------------|-----------|-----------|---------|
|     |  | STB                           | TB          | KB            | B             | SB            |           |           |         |
| C1  | Penyediaan tapak dan mendirikan khemah | 6<br>(4.0%)                   | 3<br>(2.0%) | 32<br>(21.3%) | 71<br>(47.3%) | 23<br>(15.3%) | 3.75<br>6 | 0.91<br>8 | ST      |
| C2  | Latihan Dalam Kumpulan (LDK1)          | 2<br>(1.3%)                   | 7<br>(4.7%) | 25<br>(16.7%) | 80<br>(53.3%) | 21<br>(14.0%) | 3.82<br>2 | 0.80<br>9 | ST      |

|   |  |             |             |               |               |               |           |           |    |
|---|--|-------------|-------------|---------------|---------------|---------------|-----------|-----------|----|
| C3  | Tazkirah                               | 2<br>(1.3%) | 5<br>(3.3%) | 38<br>(25.3%) | 68<br>(45.3%) | 22<br>(14.7%) | 3.76<br>3 | 0.82<br>1 | ST |
| C4  | Pembinaan<br>Jati diri 1               | -           | 3<br>(2.0%) | 21<br>(14.0%) | 81<br>(54.0%) | 30<br>(20.0%) | 4.02<br>2 | 0.68<br>5 | T  |
| C5  | Senaman<br>Pagi                        | 1<br>(0.7%) | 2<br>(1.3%) | 12<br>(8.0%)  | 76<br>(50.7%) | 44<br>(29.3%) | 4.18<br>5 | 0.71<br>4 | T  |
| C6  | Aktiviti<br>Kembara                    | -           | -           | 7<br>(4.7%)   | 74<br>(49.3%) | 54<br>(36.0%) | 4.34<br>8 | 0.57<br>7 | T  |
| C7  | Aktiviti Air                           | 1<br>(0.7%) | 4<br>(2.7%) | 8<br>(5.3%)   | 61<br>(40.7%) | 61<br>(40.7%) | 4.31<br>1 | 0.77<br>7 | T  |
| C8  | Latihan<br>Dalam<br>Kumpulan<br>(LDK2) | 2<br>(1.3%) | 7<br>(4.7%) | 13<br>(8.7%)  | 81<br>(54.0%) | 32<br>(21.3%) | 3.99<br>3 | 0.82<br>4 | ST |
| C9  | Pembinaan<br>Jati Diri 2               | 2<br>(1.3%) | 5<br>(3.3%) | 15<br>(10.0%) | 78<br>(52.0%) | 35<br>(23.3%) | 4.03<br>0 | 0.81<br>0 | T  |
| C10   | Persembaha<br>n Kumpulan               | 1<br>(0.7%) | 7<br>(4.7%) | 20<br>(13.3%) | 69<br>(46.0%) | 38<br>(25.3%) | 4.00<br>1 | 0.84<br>2 | T  |
| C11   | Khidmat<br>Ummah                       | 5<br>(3.3%) | 6<br>(4.0%) | 17<br>(11.3%) | 63<br>(42.0%) | 44<br>(29.3%) | 4.00<br>0 | 0.98<br>5 | T  |
| Min keseluruhan<br>persepsi pelajar<br>terhadap aktiviti<br>BIG |  |             |             |               |               |               | 4.02<br>1 | 0.55<br>0 | T  |

Sumber: Kajian Lapangan, 2016

Manakala, item yang mencatatkan min yang sederhana tinggi ialah item C8 Latihan Dalam Kumpulan II menunjukkan hanya seramai 113 orang responden (75.3%) menyatakan aktiviti tersebut memberikan kesan kepada diri mereka. Begitu juga dengan item C2 Latihan Dalam Kumpulan I mencatatkan hanya seramai 101 orang responden (67.3%) yang menyatakan aktiviti tersebut memberikan kesan kepada diri mereka. Selain itu, item aktiviti tazkirah juga mencatatkan hanya seramai 90 orang responden (60%) yang berpandangan bahawa aktiviti tersebut memberikan kesan kepada diri mereka. Aktiviti yang mencatatkan min yang terendah adalah item C1 Penyediaan tapak dan mendirikan khemah menunjukkan hanya seramai 94 orang responden (62.6%) berpandangan bahawa aktiviti tersebut memberikan kesan kepada diri mereka.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada hasil dapatan menunjukkan bahawa matlamat utama kursus BIG adalah untuk melihat persepsi pelajar terhadap aktiviti BIG. Hasil daripada dapatan menunjukkan pelajar sangat menggemari aktiviti luar seperti aktiviti kembara, aktiviti air dan senaman pagi. Sebagai contoh, kursus Gerak Kerja Kokurikulum (GERKO) yang mempunyai elemen kemahiran yang

mbolehkan pelajar mempraktikan di dalam aktiviti BIG. Kesimpulannya, pelajar lebih cenderung untuk melakukan aktiviti yang tidak formal dan mencabar kemahiran fizikal. Daripada hasil dapatan analisis daripada kajian Johari & Sutinah (2010) menunjukkan bahawa responden positif menyatakan aspek pembinaan sahsiah diri mampu diterapkan kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam sebarang aktiviti kokurikulum.

Selain itu, hasil dapatan menunjukkan terdapat item yang sederhana tinggi seperti LDK 1, LDK 2, tazkirah dan penyediaan tapak khemah. Hal ini kerana LDK 1, LDK 2 dan tazkirah perlu ditambahbaik daripada aspek modul, pelaksanaan, masa dan latarbelakang pelajar. Objektif modul masih kurang memberi kesan kepada pelajar. Hal ini kerana Modul LDK 1 dan LDK 2 perlu ditambahbaik dengan input dan keperluan keguruan masa kini. Ini dapat dibuktikan dalam kajian Norhiza et. al (2014) mendapati bahawa 6 domain kandungan kursus BIG iaitu i) Kerohanian dan akhlak keguruan, ii) Berilmu, beramal dan berbakti, iii) Berakuntabiliti dan amanah, iv) Berdaya tahan yang tinggi, v) Berjiwa merdeka dan vi) Kreativiti serta Inovatif mampu melahirkan ciri-ciri perwatakan guru yang baik. Justeru, penglibatan pensyarah yang terlibat sebagai fasilitator perlu diberi latihan dalam mengendalikan modul. Hal ini dapat memberi pendedahan dan pengetahuan baru kepada pensyarah.

Penyelidik dapat menyimpulkan bahawa aktiviti di dalam BIG ini mampu melahirkan bakal guru yang berdaya saing serta mempunyai kekuatan fizikal dan mental serta kerohanian yang tinggi. Melalui pelaksanaan program BIG ini, bakal guru perlu mengambil pengajaran dan menghayati setiap aktiviti yang dijalankan agar dapat digunakan pada masa hadapan. Menurut Lukman (2005), IPTA yang berkualiti mampu melahirkan graduan yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik bahkan dari aspek kemahiran insaniah.

## **KESIMPULAN**

Pembinaan kemahiran pengurusan diri sangat jelas melalui program BIG yang dijalankan pada penghujung pengajian guru pelatih KUIS. Antara kemahiran lain yang juga dapat dipupuk hasil penyertaan kursus BIG ialah kemahiran pengurusan masa, hubungan dengan diri sendiri dan kemahiran mengurus diri. Semua kemahiran ini dapat diperolehi hasil daripada program BIG yang menjadi salah satu faktor dalam membangunkan jati diri seorang bakal pendidik atau guru yang berlandaskan kepada konsep 6M berlandaskan kepada al-Quran dan agama. Ia juga bertepatan dengan pendapat Brackett, et al. (2001) dimana guru pelatih perlu memenuhi syarat melengkapkan diri sebagai insan guru dengan menjalani program latihan perguruan yang professional seperti program BIG. Walaubagaimana, hasil juga memberi petunjuk bahawa dari sudut pengelolaan dan pengurusan pihak berwajib dalam melaksanakan program BIG juga perlu diperbaiki khususnya penggunaan modul latihan yang terkini selari dengan perkembangan intelektual guru pelatih yang semakin mencabar. Pengurusan dan pengelolaan yang baik

sangat dititik berat bagi memastikan objektif dan matlamat dalam melahirkan insan guru berlandaskan 6M tercapai.

## **RUJUKAN**

- Baharin Mesir, Jamaludin Mohd Yatim, Azmahani Abd Aziz, Mohd Hidayat Jamal & Muzaffar Zainal Abideen (t.th) *Gaya Hidup Pelajar Cemerlang dalam Persekitaran Kampus*.
- Brackett, M. A. (2001). *Emotional intelligence and its expression in the life space* Unpublished master's thesis, University of New Hampshire
- Hassan, Johari and A. Safar, Sutinah (2010) *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai . pp. 1-8. (Unpublished)
- Lukman Ismail (2005), Jumaat 27 Mei, Utusan Malaysia,ms 7.
- Mohd Ali Jemali, Ahmad Esa, Razali Hassan (2011). *Kesediaan Kemahiran Sosial dan Kesedaran Sosial Guru Pelatih di IPG Terhadap Tugas-Tugas Guru di Sekolah*.Seminar Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA pada 27-28 Disember 2011, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Mohd Hasani Dali, Salleg Abd. Rashid dan Mohamed Sani Ibrahim (2006). Konsep profesionalisme keguruan. In Norasmah Othman, Zamri Mahamod dan Mohamed Sani Ibrahim (eds). *Kesediaan profesionalisme guru novis: cadangan model latihan*. Bangi : UKM.
- Mohd. Majid Konting (2000).*Kaedah Penyelidikan Pendidikan*.Dewan Bahasa Pustaka : Kuala Lumpur
- Norhiza Mohd Salleh, Faridah Nazir, Farah Mukhtar. 2014. *Pemupukan Kemahiran Insaniah Melalui Kursus Bina Insan Guru dalam kalangan siswa guru di Institut Pendidikan Guru*. Jurnal Personalia Pelajar 17 (2014): 9-17. Universiti Kebangsaan Malaysia.